



Ruj.Tuan :
ARDEDU2026/ROADTOUR/01
Ruj.Kami : JPNPP.100-12/2/1 Jld 17 (96)
Tarikh : 23 Januari 2026

MOHD SUHAIMI BIN RAMLY

Pengarah Urusan Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd.
100-1 Jalan 2/23A, Off Jalan Genting Klang,
Taman Danau Kota,
53300 Setapak, Kuala Lumpur

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN OLEH PIHAK LUAR MENJALANKAN AKTIVITI MELIBATKAN MURID, GURU DAN SEKOLAH-SEKOLAH DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya surat Tuan, **Permohonan Penganjuran dan Penglibatan Guru dan Pelajar Sekolah Rendah dan Menengah dalam Program Kangaroo Math, Kancil Science dan Beaver Computational Thinking Road Tour Tahun 2026** Anjuran Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd. bertarikh **12 Januari 2026** adalah dirujuk.

2. Untuk makluman Tuan, surat daripada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan Malaysia, Rujukan : KPM.100-1/3/2 Jld.3 (20) bertarikh 8 Mac 2021 adalah **melarang pihak luar dan orang kenamaan memasuki premis sekolah bagi tujuan mengadakan program, majlis, aktiviti dan penggunaan kemudahan di premis sekolah.**
3. Saya diarah memaklumkan pihak Tuan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia melalui **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/1988, melarang** mana-mana pihak menjalankan aktiviti **jualan terus, promosi, demonstrasi atau pameran kepada guru/kakitangan dan murid sekolah.**
4. Saya juga diarah memaklumkan pihak Tuan bahawa **penggunaan logo dan lambang Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang bagi sebarang aktiviti oleh pihak luar selain agensi yang berada di bawah pentadbiran Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang adalah dilarang serta tidak dibenarkan sama sekali.**
5. Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu ingin merakamkan terima kasih atas usaha dan inisiatif pihak Tuan untuk urusan seperti di atas. Hasrat murni pihak Tuan untuk menganjurkan program tersebut amat dihargai. Untuk makluman Tuan, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan agensi luar dalam hal-hal berkaitan dengan pendidikan.
6. Sukacita juga dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang **tiada halangan** bagi memberi **kelulusan bersyarat** kepada permohonan Tuan seperti dalam dokumen permohonan tersebut. Pihak Tuan dibenarkan berurusan dengan **Pengetua/Guru Besar** sekolah berkenaan untuk mengadakan perbincangan lanjut bagi tujuan perkara di atas.
7. Walau bagaimanapun pihak Tuan juga adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
 - 7.1 **Mendapat kebenaran daripada Pengetua/Guru Besar sekolah berkenaan;**
 - 7.2 Tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), peraturan dan disiplin sekolah;

MAKLUM BALAS PERMOHONAN OLEH PIHAK LUAR MENJALANKAN AKTIVITI MELIBATKAN MURID, GURU DAN SEKOLAH-SEKOLAH DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2026

- 7.3 Penyertaan murid atau guru sekolah berkenaan adalah secara sukarela, tanpa sebarang unsur paksaan;
- 7.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat;
- 7.5 **Tiada implikasi kewangan kepada Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, pegawai/guru dan murid yang terlibat;**
- 7.6 **Surat kebenaran/kelulusan ini bukan sebagai pengesahan program dianjurkan secara kerjasama bersama JPN;**
- 7.7 Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

8. Untuk makluman Tuan, pihak jabatan sentiasa Melindungi Masa Instruksional (MMI), iaitu masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, pihak kami mencadangkan supaya penyertaan guru-guru dan murid bagi program tersebut **diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu PdP murid; dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.**

9. Kelulusan ini bagi [**Permohonan Penganjuran dan Penglibatan Guru dan Pelajar Sekolah Rendah dan Menengah dalam Program Kangaroo Math, Kancil Science dan Beaver Computational Thinking Road Tour Tahun 2026 Anjuran Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd.**] hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan akan luput selepas tarikh **8 NOVEMBER 2026.**

Kerjasama, perhatian dan tindakan Tuan amat dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PENERAJU TRANSFORMASI PENDIDIKAN DIGITAL"

Saya yang menjalankan amanah,



(YUSOF BIN SHAARI)

Timbalan Pengarah Pendidikan

Sektor Pengurusan Sekolah

b.p Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

- s.k.
- 1. Fail berkenaan
 - 2. Sektor Pengurusan Sekolah, PPD TL/BD/SPU/SPT/SPS